

Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 22, 161–172, 2007

PENGUASAAN JAWI DAN HUBUNGANNYA DENGAN MINAT DAN PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Nik Rosila Nik Yaacob

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
E-mel: nikrusila@usm.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam. Subjek kajian seramai 400 orang pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 daripada dua buah sekolah menengah di Shah Alam dan Kuala Lumpur. Kaedah penyelidikan "survey" digunakan untuk mengumpul data. Alat kajian yang digunakan ialah: (i) Ujian penguasaan Jawi yang menguji kemahiran menulis dan mengeja Jawi, ujian menjawab soalan aneka pilihan, ujian kemahiran menulis soalan esei dan ujian menulis ayat al-Quran, (ii) Soal selidik, iaitu tentang latar belakang pelajar, minat pelajar terhadap Pendidikan Islam, pencapaian pelajar dalam peperiksaan Pendidikan Islam, cara pelajar belajar Pendidikan Islam dan cara guru mengajar Pendidikan Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa: (i) Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji. (ii) Terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Dapatan juga dapat menunjukkan sama ada pelajar itu berada dalam kategori lemah, sederhana atau baik dalam penguasaan Jawi, minat mereka terhadap Pendidikan Islam adalah rendah.

Abstract: The purpose of this study was to find out the relationship between mastery in Jawi and the students' achievement and interest in Islamic education. The subjects of this study were 400 Form 2 and Form 4 students from two secondary schools in Shah Alam and Kuala Lumpur. The survey method was used to collect data. The instruments used were: (i) Jawi mastery test, which tested students' skills in writing Jawi, skills in answering multiple choice questions, skills in writing essay questions and skills in writing Quranic verses, and (ii) A questionnaire to obtain information about students' background, students' interest in Islamic Education, students' achievement in Islamic Education, the way students learnt Islamic Education and how teachers teach Islamic Education. The research findings are as follows: (i) Students were weak in Jawi mastery in every aspect tested. (ii) There is a significant relationship between Jawi mastery and students' achievement in Islamic Education. (iii) The findings also show whether students were weak, average and good in Jawi, their interest in Islamic Education is low.

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam adalah satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith, bagi melahirkan manusia yang bertakwa. Pendidikan Islam melatih perasaan halus pelajar supaya sikap, tindakan dan keputusan mereka ditadbir oleh nilai-nilai

kerohanian dan etika Islam (Abdullah Jusuh, 1990). Wan Zahid Wan Nordin (1994) menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden pada hari ini, Pendidikan Islam amat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian. Hal ini amat relevan dengan ciri-ciri Pendidikan Islam yang sentiasa sesuai dengan pelbagai situasi dalam kehidupan manusia. Sebelum wujudnya sistem persekolahan secara formal, Pendidikan Islam diajar secara tidak formal melalui sistem belajar di rumah guru, pondok dan sistem madrasah (Abdullah Abdul Kadir, 1960; Sabri Said, 1983; Abdullah Ishak, 1987). Buku-buku atau teks-teks yang menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran ditulis dalam tulisan Jawi dan ada juga yang ditulis dengan bahasa Arab (Abdullah Ali Hassan, 1980; Abdullah Jusuh, 1990).

Setelah negara mencapai kemerdekaan dan sistem persekolahan formal diperkenalkan, Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib bagi setiap pelajar yang beragama Islam (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991). Beberapa perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam seperti Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) sehingga tercetusnya Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) yang dinilai pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun begitu, berdasarkan laporan dan kajian, pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Sejarah pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai cara dengan menggunakan buku-buku atau teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi ialah hasil daripada pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab untuk disesuaikan dengan lidah orang Melayu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, huruf Ga (گ) diperkenalkan dengan berasaskan bunyi huruf Kaf (ك) dan Jim (ج) serta Cha (چ) berasaskan bunyi huruf Ta (ت) dan Jim (ج) (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990). Oleh itu, tulisan Jawi merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran al-Qur'an (Kang Kyoung Seouk, 1990). Matlamat pelajaran Jawi adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis dan membaca Jawi bagi membolehkan pelajar memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian dan laporan yang dijalankan, penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi adalah lemah (Awang Mohamad Amin, 1989). Kajian daripada Mustapha Yazid (1991) mendapati, 95 peratus pelajar mempunyai sikap negatif terhadap tulisan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai dalam peperiksaan. Hal ini memberi kesan terhadap pencapaian dan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Sulaiman Ngah Ghazali, 1990; Azman Wan Chik, 1986). Pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan semakin ketinggalan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi (Muhammad Endut, 1992). Oleh itu, Isahak Haron dan Hassan Basri (1994) berpendapat, kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah dalam menguasai kemahiran Jawi mempunyai kaitan langsung dengan keupayaan mereka pada peringkat sekolah rendah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penguasaan Jawi di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 2 dan 4 serta hubungannya dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan ialah:

- i. Ujian penguasaan Jawi yang menguji:
 - (a) kemahiran menulis dan mengeja Jawi,
 - (b) kemahiran menjawab soalan aneka pilihan,
 - (c) kemahiran menulis soalan esei, dan
 - (d) kemahiran menulis ayat al-Quran.
- ii. Soal selidik yang merangkumi latar belakang pelajar, minat pelajar terhadap Pendidikan Islam, pencapaian pelajar dalam peperiksaan Pendidikan Islam, cara pelajar belajar Pendidikan Islam dan cara guru mengajar Pendidikan Islam.


PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah penguasaan kemahiran Jawi dalam kalangan pelajar Tingkatan 2 dan 4?
2. Adakah terdapat hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam?
3. Adakah terdapat hubungan antara penguasaan Jawi dengan minat pelajar Tingkatan 2 dan 4 dalam Pendidikan Islam?

LANDASAN TEORI

Kajian ini berlandaskan teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Bloom (1976) yang menggabungkan tiga pemboleh ubah utama, iaitu, ciri-ciri pelajar, pengajaran guru dan hasil pembelajaran.

Jadual 1. Teori pembelajaran berdasarkan Bloom (1976)



Berdasarkan model di atas, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi hasil pembelajaran, iaitu ciri-ciri pelajar, tugas pembelajaran dan kualiti pengajaran guru. Ciri-ciri pelajar termasuklah dari segi kesediaan kognitif dan kesediaan afektif. Kesediaan kognitif ialah persediaan tingkah laku yang akan menentukan sejauh mana suatu tugas pembelajaran boleh dipelajari. Manakala kesediaan afektif merujuk kepada sejauhmana sikap dan minat pelajar dapat mempengaruhi tugas pembelajaran dan mempengaruhi aras motivasi pelajar. Apabila pelajar mempunyai persediaan afektif yang baik dan seimbang, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan kecenderungan untuk memperoleh kejayaan dalam sesuatu tugas pembelajaran adalah lebih besar.

Konsep tugas pembelajaran adalah sejumlah elemen yang dipelajari oleh pelajar. Elemen-elemen ini mungkin tidak berkait antara satu sama lain (seperti jadual waktu, fakta atau peraturan) dan mungkin juga saling berkaitan. Dalam konteks sekolah, tugas pembelajaran adalah sebahagian daripada tugas yang telah ditetapkan oleh sekolah dalam sesuatu kursus, buku teks dan seumpamanya.

Bagi mewujudkan suasana tugas pembelajaran itu bermakna dan menarik, guru perlulah bijak merancang pengajarannya.

Kualiti pengajaran guru pula akan menentukan kecekapan yang ada pada pelajar untuk menyempurnakan suatu tugas pembelajaran. Kualiti pengajaran guru merangkumi sejauh mana guru mengoptimumkan persembahan pengajaran, penjelasan dan penyusunan unsur-unsur yang berkaitan dengan suatu tugas pembelajaran.

RUMUSAN DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penguasaan Jawi dikalangan Pelajar Tingkatan 2 dan 4

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan pelajar Tingkatan 2 dan 4 dalam kemahiran Jawi masih berada pada tahap lemah. Purata 41.82 peratus pelajar Tingkatan 2 dan 4 gagal menyambung huruf-huruf Jawi mudah yang diberikan (Jadual 2). Ini bermakna penguasaan pelajar dalam penyambungan huruf-huruf Jawi masih kurang mantap. Kemahiran menyambung huruf-huruf Jawi ini sepatutnya dikuasai pada peringkat sekolah rendah lagi.

Jadual 2. Peratus pelajar yang boleh menyambung huruf-huruf Jawi

Item	Betul (%)	Betul (%) bagi Tingkatan 2	Betul (%) bagi Tingkatan 4
1. س و ف ا ي	72.8 (291)*	70.5 (141)	75.0 (150)
2. م ن ف ع ة	41.8 (167)	37.0 (74)	46.5 (93)
3. د ا م ب ل	64.0 (256)	58.5 (117)	69.5 (139)
4. ب ر س ي ه	57.5 (230)	53.5 (107)	61.5 (123)
5. م ي س ك ن	55.0 (220)	47.0 (94)	63.0 (126)
Jumlah	400	200	200

* nombor dalam kurungan ialah jumlah pelajar

Kajian juga mendapati penguasaan pelajar dalam kemahiran menukar perkataan daripada huruf rumi kepada huruf Jawi adalah amat lemah (Jadual 3). Purata 72.28 peratus pelajar gagal menguasai kemahiran menukar perkataan dalam huruf rumi kepada huruf Jawi. Perkataan yang paling ketara tidak dapat dieja oleh pelajar ialah 'syariat' (90.2 peratus) dan 'solat' (77.7 peratus). Analisis kekerapan

menunjukkan sebilangan pelajar hampir boleh mengeja sesetengah perkataan yang diberikan dengan betul, tetapi tidak dapat membezakan huruf-huruf yang mempunyai makhraj yang sama seperti Shad (ص) dengan Sim (س), Kaf (ك) dengan Qaf (ق) dan Tho (ط) dengan Ta (ت) (Jadual 3). Hal ini menunjukkan pelajar kurang cekap mengeja perkataan Arab yang terdapat dalam Pendidikan Islam. Kecekapan membezakan huruf-huruf Jawi adalah kemahiran asas yang sepatutnya telah dikembangkan pada peringkat sekolah rendah.

Jadual 3. Peratus pelajar yang boleh menukar perkataan dalam huruf rumi kepada huruf Jawi

Item	Betul (%)	Betul (%) bagi Tingkatan 2	Betul (%) bagi Tingkatan 4
1. Jumlah	34.0 (136)*	27.5 (55)	40.5 (81)
2. Solat	22.3 (89)	12.0 (24)	32.5 (65)
3. Menolong	49.5 (198)	45.5 (91)	53.5 (107)
4. Syariat	9.8 (39)	6.5 (130)	13.0 (26)
5. Cantik	23.3 (93)	22.5 (45)	24.0 (48)
Jumlah	400	200	200

* nombor dalam kurungan ialah jumlah pelajar

Dapatan kajian juga menunjukkan kebolehan pelajar-pelajar dalam memilih jawapan bagi soalan aneka pilihan berdasarkan teks Jawi adalah pada tahap sederhana. Hal ini adalah kerana hanya 61.62 peratus pelajar Tingkatan 2 dapat menjawab soalan bahagian ini dan 80.37 pelajar Tingkatan 4 yang dapat berbuat demikian (Jadual 5). Perkara ini menggambarkan bahawa sebahagian besar pelajar Tingkatan 4 dapat membaca teks yang diberikan manakala 38.38 peratus pelajar Tingkatan 2 yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca teks Jawi yang diberikan.

Jadual 4. Peratus kebolehan pelajar memilih jawapan soalan aneka pilihan

Item	Betul (%)	Betul (%) bagi Tingkatan 2	Betul (%) bagi Tingkatan 4
1. Apakah kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang kaya dan berada?	74.5 (298)*	64.0 (128)	85.0 (170)
2. Kenapakah amalan memotong kuku dinamakan amalan fitrah?	75.3 (301)	64.5 (129)	86.0 (172)
3. Kenyataan di bawah adalah benar kecuai...	69.3 (277)	63.0 (126)	75.5 (151)
4. Fitrah bererti ...	65.0 (260)	55.0 (110)	75.0 (150)

Jumlah	400	200	200
--------	-----	-----	-----

* nombor dalam kurungan ialah jumlah pelajar

Hasil kajian juga menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran menulis jawapan bagi soalan esei dalam tulisan jawi adalah kurang memuaskan. 71.32 peratus pelajar gagal menulisnya dengan betul terutama bagi soalan yang berbentuk kefahaman pada aras tinggi (Jadual 5).

Jadual 5. Peratus kebolehan pelajar menjawab soalan esei

Item	Betul (%)	Betul (%) bagi Tingkatan 2	Betul (%) bagi Tingkatan 4
1. Mengapakan zakat fitrah dinamakan juga dengan zakat badan?	29.5 (118)*	25.0 (50)	34.0 (68)
2. Tuliskan satu pengajaran yang dapat diambil daripada ayat berikut: فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا	22.5 (90)	19.0 (38)	26.0 (52)
3. Ahmad terlupa untuk mengeluarkan zakat setelah tamat bulan ramadhan. Bagaimanakah keadaan puasa Ahmad?	30.8 (123)	27.5 (55)	34.0 (68)
4. Tuliskan dua kelebihan zakat.	37.8 (151)	30.0 (60)	45.5 (91)
5. Setujukah anda dengan pendapat yang mengatakan zakat dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat? Berikan alasan anda.	23.0 (92)	17.5 (35)	28.5 (57)
Jumlah	400	200	200

* nombor dalam kurungan ialah jumlah pelajar

Pelajar-pelajar juga kurang mahir apabila menjawab soalan yang memerlukan pemahaman daripada ayat al-Quran. Dapatan menunjukkan 77.5 peratus pelajar gagal berbuat demikian. Begitu juga dengan kemahiran menulis ayat al-Qur'an. 95.5 peratus pelajar tidak dapat menyambung beberapa ayat daripada surah al-Nas yang diberikan. Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar dalam bahagian memadankan ayat al-Quran amat memuaskan. Hal ini menggambarkan, pelajar dapat mengingati ayat-ayat al-Quran mudah yang diberikan tetapi tidak mahir dari segi penulisan.

Ujian korelasi Cramer's V antara penguasaan Jawi dengan kenyataan "sukar membaca buku teks Pendidikan Islam kerana ditulis dengan Jawi" ialah .12 ($p < .05$). Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dengan kesukaran membaca buku teks Pendidikan Islam yang ditulis dengan Jawi. Ini bererti, kelemahan pelajar dalam membaca buku teks

Pendidikan Islam berkemungkinan besar disebabkan oleh kelemahan mereka dalam menguasai kemahiran Jawi. Secara tidak langsung pelajar juga tidak dapat memahami teks yang dibaca. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian yang terdahulu (Awang Mohamad Amin, 1989; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991). Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai kaedah pengajaran boleh diaplikasi. Antaranya ialah, kaedah gabungan bunyi kata dan kaedah gabungan Rumi dan Jawi.

Hubungan antara Penguasaan Jawi dengan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar Tingkatan 2 dan 4 dalam Pendidikan Islam.

Dalam kemahiran mengeja Jawi, data menunjukkan 19.4 peratus pelajar Tingkatan 2 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran mengeja Jawi. Manakala 83.3 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran mengeja Jawi. Bagi pelajar Tingkatan 4 pula, 19.4 peratus pelajar yang mendapat cemerlang dalam Pendidikan Islam lemah dalam kemahiran mengeja Jawi berbanding 100 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran ini. Ujian korelasi menunjukkan, terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 dalam Pendidikan Islam dengan kemahiran mengeja Jawi.

Dalam kemahiran menjawab soalan aneka pilihan, 12.9 peratus pelajar Tingkatan 2 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran ini berbanding 79.2 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam menjawab soalan aneka pilihan. Korelasi Cramer V antara pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam dengan kemahiran menjawab soalan aneka pilihan ialah .38 ($p < .001$). Bagi pelajar Tingkatan 4 pula, 3.2 peratus pelajar yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam menjawab soalan aneka pilihan berbanding 25 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran ini. Ujian korelasi juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Hal ini bermakna, semakin lemah penguasaan pelajar dalam kemahiran jawi, semakin merosot pencapaian mereka dalam Pendidikan Islam.

Dalam kemahiran menjawab soalan esei, 19.4 peratus pelajar Tingkatan 2 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran ini. Manakala bagi pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, 100 peratus lemah dalam menjawab soalan esei. Sebanyak 41.9 peratus pelajar yang cemerlang dalam Pendidikan Islam berada pada tahap baik dalam kemahiran menulis soalan esei berbanding 0 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam berada pada tahap baik.

Bagi pelajar Tingkatan 4 pula, 6.5 peratus pelajar yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam menjawab soalan esei. Manakala bagi pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, 100 peratus tidak dapat menjawab soalan esei yang diberikan. Ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Dalam kemahiran menulis ayat al-Quran, 3.2 peratus pelajar Tingkatan 2 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran menulis ayat al-Quran. Manakala 37.5 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran menulis ayat al-Quran. Bagi pelajar Tingkatan 4 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, 87.1 peratus mempunyai kemahiran menulis ayat al-Quran berbanding 50 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam dapat berbuat demikian. Ujian korelasi menunjukkan wujudnya perhubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Hubungan antara Penguasaan Jawi dengan Minat Pelajar Terhadap Pendidikan Islam

Berdasarkan tiga indikator minat pelajar terhadap Pendidikan Islam, terdapat antara 40 hingga 48 peratus pelajar yang menyatakan tidak berminat atau kurang berminat terhadap Pendidikan Islam.

Dapatan kajian mendapati 39.8 peratus pelajar menyatakan "suka jika waktu Pendidikan Islam berlalu dengan cepat". Hal ini menunjukkan pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Analisis perbandingan melalui jadual rujuk silang mendapati, 28.5 peratus pelajar yang lemah dalam penguasaan Jawi dan 42.4 peratus pelajar yang baik dalam penguasaan Jawi menyatakan mereka kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini menggambarkan semakin baik penguasaan pelajar dalam Jawi, semakin kurang minat mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Hasil kajian juga menunjukkan 43 peratus pelajar Tingkatan 2 dan 4 menyatakan "selalu membuat kerja lain semasa guru sedang mengajar Pendidikan Islam". Melalui analisis jadual rujuk silang, 40.9 peratus pelajar yang lemah dalam penguasaan Jawi dan 48 peratus pelajar yang baik dalam penguasaan Jawi menyatakan "selalu" dan "kadang-kadang" membuat kerja lain semasa guru sedang mengajar Pendidikan Islam, iaitu tidak berminat terhadap mata pelajaran ini. Dapatan ini memperlihatkan peratus pelajar baik dalam penguasaan Jawi yang tidak berminat terhadap Pendidikan Islam adalah tinggi. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang tidak begitu berkesan untuk menarik minat pelajar sama ada mereka lemah, sederhana atau baik dalam Jawi.

Data juga mendapati 50.1 peratus pelajar menyatakan "selalu" dan "kadang-kadang", "merasa seronok mempelajari mata pelajaran lain berbanding Pendidikan Islam", iaitu mereka kurang berminat terhadap Pendidikan Islam. Analisis perbandingan melalui jadual rujuk silang mendapati, 52.6 peratus pelajar lemah dalam Jawi dan 50.4 peratus pelajar baik dalam Jawi tidak berminat terhadap Pendidikan Islam. Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang jelas antara pelajar lemah, sederhana dan baik dalam penguasaan Jawi dengan minat mereka terhadap Pendidikan Islam yang diwakili oleh indikator "seronok belajar mata pelajaran lain berbanding Pendidikan Islam". Dapatan menunjukkan lebih tinggi peratusan pelajar yang boleh menguasai Jawi tidak berminat terhadap Pendidikan Islam. Keadaan ini menggambarkan kemungkinan besar pengajaran guru tidak begitu berkesan untuk menarik minat pelajar.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kebolehan membaca dan menulis Jawi amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sebahagian besarnya ditulis dalam Jawi. Pelajar juga diwajibkan untuk cekap dan menguasai kemahiran Jawi supaya dapat mempelajari dan membaca al-Quran dengan lancar. Berdasarkan kajian ini, dicadangkan agar guru-guru Pendidikan Islam menggunakan kedua-dua bahan tulisan Rumi dan Jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar semua pelajar dapat memahami bahan Pendidikan Islam yang diajar oleh guru. Kaedah pengajaran juga boleh dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar yang mempunyai latar belakang keupayaan yang berbeza dalam penguasaan Jawi. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar sekolah menengah memahami pengajaran guru dan memudahkan mereka untuk belajar dengan baik. Untuk kembali kepada pengajaran Jawi asas adalah sukar dan hampir mustahil kerana pada peringkat menengah, pelajar seharusnya telah memperoleh kemahiran tersebut semasa berada di sekolah rendah.

Cadangan kajian lanjut adalah perlu dengan melibatkan sampel yang lebih besar merangkumi sampel daripada bandar dan luar bandar. Aspek-aspek kemahiran Jawi yang diuji juga perlu diperluaskan meliputi aspek kemahiran menukar ayat Rumi kepada Jawi. J-Qaf yang dilaksanakan pada tahun 2003 adalah satu langkah yang baik untuk memperbaiki penguasaan Jawi di kalangan pelajar. Sasaran J-Qaf yang bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus kepada Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain adalah satu usaha yang baik demi untuk membentuk keseimbangan spiritual dan jasmani pelajar. Namun begitu, satu kajian perlu dilaksanakan untuk melihat keberkesanan J-Qaf dalam aspek penguasaan Jawi dan al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah

rendah. Cadangan kajian ini penting untuk menambah baik dan memperkasakan program J-Qaf yang sedia ada supaya apabila pelajar berada pada peringkat sekolah menengah, masalah penguasaan Jawi bukan lagi menjadi halangan dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Abdullah Abdul Kadir. (1960). *Hikayat Abdullah Munshi bin Abdul Kadir Munshi*. Singapore: Malayan Publishing House.
- Abdullah Ali Hassan. (1980). The development of Islamic Education in Kelantan dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: United Selangor.
- Abdullah Ishak. (1987). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*. Tesis M. A, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera, Universiti Malaya.
- Abdullah Jusuh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937–941.
- Azman Wan Chik. (1986). *Kaedah amali hayati: Satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, S. B. (1976). *Human characteristic and school learning*. New York: McGraw-Hill.
- Isahak Haron dan Hassan Basri. (1994). *Laporan Penguasaan Jawi Pelajar Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1985). *Laporan kajian mengenai kedudukan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kang Kyoung Seouk. (1990). *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (1991). *Laporan prestasi SPM: Pengetahuan Agama Islam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah di negeri Johor*. Tesis M. Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nik Rosila Nik Yaacob

- Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan: Satu kajian khusus di daerah Kota Bharu*. Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1991). *Laporan pelaksanaan pelajaran Jawi KBSR*. Kuala Lumpur: Unit Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sabri Said. (1983). *Madrasah al-'Ulum al-Syariah Perak 1937–1977: Satu kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Ngah Ghazali. (1990). *Ke arah mempertingkat mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Perak: Satu kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wan Zahid Wan Nordin. (1994). *Pendidikan tahun 2000: Cabaran dan harapan dalam Pendidikan Islam: Peranannya dalam pembangunan ummah*. Abdul Halim el-Muhammady (ed.). Bangi: Persatuan Bekas Pelajar Timur Tengah.